KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
*DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE*
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
*Public Service Department, Malaysia*
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

DILULUSKAN LPU. JP... UM UNTUK
DITERIMA PAKAI PADA 1/03/19
RUJ. LPU BIL. 118 Bil. 2/2019
RUJ. JPU BIL. JPU, ... -31/3/19

JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld. 12 ( 5 )
27 Februari 2019

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu

Semua Ketua Jabatan Persekutuan di kawasan Majlis Perbandaran Kubang Pasu

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun di kawasan Majlis Perbandaran Kubang Pasu

YBhg. Dato'/Tuan,

**PENYELARASAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP BERIKUTAN PERTUKARAN STATUS DARIPADA MAJLIS DAERAH KUBANG PASU KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Tuan sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan pemberian Bantuan Sara Hidup dengan kadar yang berbeza mengikut kawasan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 yang berkuat kuasa pada 1 April 2012. Penentuan kadar mengikut kawasan ini adalah berdasarkan definisi sempadan

perbandaran/status Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, berikutan pertukaran status Majlis Daerah Kubang Pasu kepada Majlis Perbandaran Kubang Pasu pada 22 Oktober 2018, Jabatan ini tiada halangan untuk penyelarasan kadar Bantuan Sara Hidup daripada Kawasan Lain (RM150 sebulan) ke Kawasan B (RM250 sebulan). Pelaksanaan tersebut berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)**